

# Mahathir anjur langkah2 atasi keadaan buruk

*Dr. M - overseas trips.*

30 SEP 1986

Dari Zainuddin Maidin

**NEW YORK 29 Sept. — Malaysia** hari ini menganjurkan beberapa langkah kepada negara - negara maju dan peminjam bagi membantu negara - negara sedang membangun yang menghadapi keadaan buruk akibat dari kejatuhan harga barangan keluaran mereka.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Sri Dr. Mahathir di dalam ucapannya kepada Perhimpunan Agung Bangsa - Bangsa Bersatu berkata, langkah perlu yang pertama ialah membantu meningkatkan pertumbuhan di dalam negara - negara yang meminjam. Untuk tujuan itu beliau mahukan negara - negara tersebut mengurangkan kadar faedah, menstabilkan pertukaran matawang, menurunkan kekurangan belanjawan, merancang pemulihan di negara - negara maju dan meluaskan pasaran bagi eksport dari negara - negara sedang membangun.

Beliau memberitahu perhimpunan itu bahawa semua negara sedang membangun bergantung kepada eksport barangan mereka untuk mendapatkan pertukaran matawang.

"Sekarang semua barangan mengalami harga yang rendah malah setengahnya jatuh hingga lebih dari 60 peratus. Penyatuan beberapa faktor telah mengakibatkan keburukan yang menyeluruh," katanya.

Beliau seterusnya menyatakan bahawa teknologi baru menyebabkan barang-barang mentah tradisi tidak berguna lagi dan di samping itu teknologi baru menggalakkan pengeluaran barang-barang mentah pula mendorong bekalan yang berlebihan bila negara kaya memberikan subsidi bagi pengeluaran dan penjualan kepada barangan.

Katanya, negara-negara miskin tidak akan dapat memberikan subsidi pada kadar yang dapat diberikan oleh negara-negara kaya dan dengan itu mereka kehilangan kesemua pasaran mereka.

"Sekiranya di masa lalu syarat perdagangan ialah kami harus menjual lebih barangan untuk membeli barang-barang pembuatan

LIHAT MUKA 6

## Mahathir anjur langkah2 atasi keadaan buruk

30 SEP 1986

yang jumlahnya semakin kecil, sekarang kami langsung tidak dapat menjual barangan untuk membayar kepada barangan yang semakin mahal," jelasnya.

Dr. Mahathir berkata, kelumpuhan harga barangan adalah diakibatkan dari reaksi yang bertalian yang menyebabkan semua kegiatan ekonomi menjadi begitu perlahan malah terpaksa dihentikan.

Menurutnya seperti biasa di dalam keadaan begini peminjam-peminjam bertukar menjadi pemerah.

Dr. Mahathir lalu bertanya: "Dengan itu bagaimanakah kita secara jujur dapat berkata bahawa negara

- negara kaya tidak bertanggungjawab atas keadaan buruk ekonomi kita. "Bagaimanakah kita tidak melihat dengan ketakutan pertemuan tujuh perusahaan yang kaya?"

Beliau seterusnya berkata, sekarang juga tidak terdapat sistem kewangan yang sempurna.

"Negara-negara tidak lagi menguasai matawang mereka. Peramal-peramal termasuk bank-bank boleh menentukan turun-naiknya matawang malah perniagaan barang-barang telah digantikan dengan perniagaan matawang," ujarnya.

Perdana Menteri seterusnya

menegaskan bahawa institusi kewangan antarabangsa hendaklah mengadun tabung bagi memenuhi keperluan jangka panjang projek-projek pembangunan di dalam negara-negara membangun di samping pembiayaan jangka pendek.

Di dalam hal inilah Bangsa-Bangsa Bersatu dan agensi-agensinya dapat memainkan peranan yang besar, katanya.

Beliau memberitahu bahawa Malaysia baru-baru ini telah mengambil inisiatif bagi meningkatkan kerjasama ekonomi di antara negara-negara sedang membangun dengan menjadi

uanrumah kepada persidangan antarabangsa ke-dua Selatan-Selatan.

"Kami tidak dapat menenterima bahawa tujuh negara kaya memaksa cara penyelesaian mereka kepada masalah ekonomi dunia.

"Maka oleh kerana itu sebuah suruhanjaya bebas bagi Selatan telah dibentuk dengan dipengerusikan oleh bekas Presiden Julius Nyerere bagi mengkaji dan mencadangkan langkah-langkah yang praktikal. Kami berharap Bangsa-Bangsa Bersatu dan negara-negara anggota akan membantu suruhanjaya ini di dalam apa juga yang boleh," jelasnya.

Beliau seterusnya menyuarakan negara-negara maju supaya mendekati berbagai isu yang dihadapi oleh ekonomi antarabangsa dengan secara adil bagi menjamin pertumbuhan ekonomi antarabangsa dan juga bagi meningkatkan sistem kewangan dan perdagangan bagi faedah semua negara.

Di dalam ucapannya yang panjang Perdana Menteri juga menyentuh masalah dadah, peranan Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap apartheid, Palestin, keganasan antarabangsa, pencerobohan di Afghanistan dan Kampuchea serta Antartika.